

## **PENOLAKAN SYAIKH TUAN HUSAIN KEDAH TERHADAP GOLONGAN MUTAŞAWWIFAH: SOROTAN KHUSUS KITAB HIDAYĀT AL-MUTAFAKKIRĪN FĪ TAĤQĪQ MA‘RIFAT RABB AL- ‘ALAMĪN**

Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman  
*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

Mohd Mustakim Mohamood @ Fauzi  
*Universiti Malaya (UM)*

Mohd Sobri Ellias  
*Universiti Malaya (UM)*

### **ABSTRAK**

Konsep *wahdāniyyah* Allah dan *mukhālafah*-Nya bagi segala yang baharu adalah dua konsep utama dalam akidah yang saling berkait di antara satu sama lain dalam menatijahkan pemikiran tauhid yang sejahtera dan murni sebagaimana acuan al-Quran dan al-Sunnah ajaran Rasulullah. Kegagalan seseorang dalam memahami kedua konsep utama ini hanya akan membawa kepada kegelincirannya dalam mengenal Allah lalu menisbahkan bagi-Nya suatu penisbahan yang bertentangan dengan manhaj akidah yang ditelusuri oleh Ahli Sunnah Waljamaah. Hal inilah yang didapati terjadi kepada sebahagian golongan yang beranggapan kononnya mereka telah mencapai manifestasi *ma‘rifatullāh* yang hakiki terhadap Allah dengan keyakinan *ḥulūl* dan *ittiḥād*, sedangkan pada hakikat syarak, ia tidak lebih hanya sangkaan semata-mata. Justeru, artikel ini akan mendedahkan kejelekan fahaman ini beserta hujah ampuh ke atasnya berdasarkan karya tulis yang telah dihasilkan oleh Tuan Husain Kedah yang berjudul *Hidayah al-Mutafakkirīn fī Taḥqīq Ma‘rifat Rabb al-‘Alamīn*. Penelitian juga akan dilakukan terhadap ketajaman hujah yang dikemukakan oleh beliau dalam melakukan penolakan terhadap golongan tersebut. Makalah ini seterusnya akan menyimpulkan bahawa sememangnya telah wujud percanggahan dakwaan golongan-golongan *mutaşawwifah* tersebut dengan asas-asas akidah yang menjadi tunjang bagi pegangan golongan Ahli Sunnah Waljamaah. Hal ini turut akan memberi faham bahawa pegangan golongan tersebut wajib dijauhi, dibanteras dan diwaspadai demi kesejahteraan pegangan golongan awam sejagat.

**Kata kunci:** *wahdāniyyah*, *mukhālafah*, Tuan Husain Kedah, *ma‘rifatullāh*, *mutaşawwifah*, *ḥulūl*, *ittiḥād*.

## PENDAHULUAN

Akidah adalah suatu sisi yang sangat besar bagi seseorang insan. Ini kerana ia adalah suatu kompenan asas yang menjadi tunjang kepada agama Islam. Kejahilan dalam hal ini akan mengundang kerapuhan pegangan akidah dalam diri seterusnya menyebabkan tersebar nya kesesatan dalam kelompok muslim itu sendiri. Namun, munculnya golongan Ahlus Sunnah wal Jamaah sejak dari zaman berzaman dengan membawa pegangan berteraskan aliran al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah didapati amat cemerlang dalam menangkis dan membenteng akidah ummat daripada sekian penyelewengan yang cuba disebarkan oleh golongan yang berseberangan dengan aliran perdana tersebut. Ini sekaligus menjadi bukti bahawa tradisi kalam ASWJ mempunyai sisi positif yang tidak boleh dinafikan manfaatnya dalam mempertahankan kemurnian akidah warisan Nabiiyy.

Dalam pada itu, peranan yang dimainkan oleh para ulama dalam hal ini ternyata amat besar. Bahkan mereka dilihat sebagai satu golongan terpenting dalam sejarah pembangunan masyarakat manusia sama ada dari segi kerohanian mahupun dari aspek pembentukan dan peradaban sesebuah tamadun. Mereka adalah penggerak kepada kesedaran pegangan umat dan pengisi kepada pembangunan pemikiran dan budaya sesebuah masyarakat. Kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat Islam akan terjamin dan terserlah apabila wujudnya generasi ulama rabbani yang sentiasa tulus berkhidmat dalam mempertahankan akidah dan membangun ummah. Justeru, diskusi berikut meneliti kredibiliti seorang tokoh ulama Tanah Jawi iaitu; Tuan Husain Kedah menerusi karya bahasa jawinya yang berjudul *Hidayah al-Mutafakkirin* (Petunjuk bagi orang-orang yang berfikir) dalam mendepani idea-idea bawaan golongan mutasawwifah yang cuba memperdaya masyarakat awam atas nama tasawuf.

## BIOGRAFI RINGKAS TUAN HUSAIN KEDAH

Nama sebenar Tuan Husain Kedah ialah Abu Abdillah Husain bin Muhammad Nasir bin Muhammad Thayyib bin Mas'ud bin Qadhi Abu Su'ud bin Syaikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Beliau dilahirkan pada hari Ahad 20 Jamadil Awwal 1280H bersamaan 2 November 1863 di Titi Gajah, Kedah. Muhammad Abdullah Suradi (Suradi, 2008) menambah bahawa nama timangan Tuan Husain Kedah sewaktu kecilnya adalah Che Megat. Gelaran Megat diperolehi kerana ayah beliau Haji Muhammad. Nasir, adalah seorang rakyat biasa yang telah berkahwin dengan Tengku Fathimah binti Tengku Mahmud, seorang kerabat Diraja Kubang Pasu, Darul Qiyam. Keturunan Tuan Husain Kedah adalah berasal dari Kelompoyan Martapura Banjarmasin, Kalimantan, Indonesia dan beliau adalah dari keturunan seorang ulama yang sangat tersohor di Nusantara iaitu Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari, pengarang kitab Sabil al-Muhtadin yang berketurunan Nabiy Muhammad Sejarah kedatangan keturunan beliau ke Kedah adalah apabila datuk kepada datuknya yang bernama Qadhi Haji Abu Su'ud diceritakan bahawa beliau pulang dari Makkah untuk meneruskan perjalanannya pulang ke Banjar telah singgah di Kedah. Apabila sultan Kedah mendapat tahu kehadiran ulama Banjar ini maka baginda Sultan Kedah telah meminta kepadanya supaya tinggal di Kedah untuk menjadi guru baginda dan juga rakyat Kedah. Di Kedah, Qadhi Haji Abu Su'ud al-Banjari atas kehendak Sultan Kedah telah berkahwin dengan seorang wanita bernama Rajmah. Dari perkahwinan itu beliau memperoleh anak lalu dinamakan Mas'ud, iaitu moyang kepada Tuan Husain Kedah. Moyang kepada Tuan Husain Kedah ini iaitu Haji Mas'ud bin Qadhi Abu Su'ud selain menjadi ulama di Kedah, beliau juga dilantik oleh Sultan Kedah, menjadi salah seorang panglima perang kerajaan Kedah ketika

menentang kerajaan Thai (Siam Budha). Dan beliau gugur sebagai syahid ketika peperangan menentang Thai.

## **PENDIDIKAN DAN MEMBUKA PONDOK**

Khairul Nizam bin Zainal Badri dalam tulisannya (Badri, 2014) menyatakan bahawa Tuan Husain Kedah mendapat didikan awal dari datuknya Haji Muhammad Thayyib bin Mus'ud al-Khalidi an-Naqsyabandi di pondok Titi Gajah. Seterusnya beliau menyambung pelajarannya di Pondok Bendang Daya, Fathani. Beliau sempat belajar dengan Tuan Guru Syaikh Haji Wan Mushthafa bin Muhammad al-Fathani (Tok Bendang Daya I) dan selanjutnya kepada anak beliau, Syaikh Abdul Qadir bin Syaikh Wan Mushthafa (Tok Bendang Daya II). Ketika di Bendang Daya, dipercayai beliau bersahabat dengan Wan Ismail bin Mushthafa al-Fathani (Tok Ayah Doi – pengasas pondok Gajah Mati, Kedah) dan Tok Kelaba. Selain di Bendang Daya, Tuan Husain Kedah juga pernah belajar di Pondok Semela, pondok di mana datuknya pernah menuntut ilmu di situ. Tuan Husain Kedah telah merantau ke Kelantan, Terengganu, Singapura, Johor dan Perak untuk mendalami ilmu agama. Setelah lama di perantauan mencari ilmu, beliau akhirnya kembali ke Titi Gajah dengan niat untuk membantu datuknya mengajar.

Menurut Muhammad Abdullah Suradi, memang telah menjadi tradisi pada zaman tersebut, tidak lengkap ilmu seseorang sekiranya tidak melanjutkan pelajaran ke Mekah, yang merupakan pusat ilmu ketika itu. Maka pada tahun 1892, beliau berangkat ke Mekah bersama isterinya iaitu Wan Khadijah binti Wan Yusuf untuk mengerjakan haji dan menambahkan pengetahuan agamanya. Ketika di Mekah beliau sempat berjumpa dan berguru dengan ulama-ulama besar di sana seperti Syaikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani, Sayyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syaikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki, Syaikh Nawawi al-Bantani, Syaikh Umar Sumbawa, Syaikh Ahmad Umar Bali, Syaikh Ahmad Lingga, Syaikh Wan Ahmad al-Fathani dan ramai lagi. Apabila Tuan Husain pulang dari Mekah pada tahun 1896, beliau meneruskan pengajarannya di pondok Titi Gajah dan pada waktu yang sama beliau ditawarkan untuk membuka pondok di kampung Alor Ganu, sebuah perkampungan yang berhampiran. Beliau menerima tawaran tersebut dan mengajar di sana selama tiga tahun.

Pada tahun 1900, beliau berpindah ke Bohor dan membuka pondoknya di sana. pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di pondok Bohor berumur antara 15 hingga 60 tahun. Terdapat dua kumpulan pondok iaitu Pondok Dalam di mana disediakan untuk orang yang sudah berkeluarga dan Pondok Luar untuk anak-anak bujang. Tuan Husain mengendalikan pondoknya di Bohor selama 12 tahun sehingga beliau terkenal dengan panggilan “Tuan Husain Bohor”. Pada tahun 1912, Tuan Husain berpindah pula ke Bagan Ulu dan membuka pondok di situ. Tempat ini sekarang dikenali sebagai Pantai Merdeka. Pelajar-pelajarnya berjumlah lebih 400 orang. Antara pelajar-pelajarnya yang terkenal ialah Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Abdullah atau lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Abdul Rahman Merbok. Tuan Husain mentadbir pondok Bagan Ulu selama lapan tahun sebelum membuka pondok baru di Selengkoh, Mukim Sungai Limau. Keadaan persekitaran di Selengkoh yang becak mengurangkan jumlah penuntut beliau di sana. Beliau berkhidmat di sana selama empat tahun dan kemudiannya berangkat mengerjakan fardhu haji bersama anak dan cucu-cucunya.

Kepulangannya dari Mekah pada tahun 1924 telah memberi ilham kepada Tuan Husain Kedah untuk membuka pondok baru pula di Padang Lumat. Dan seterusnya beliau membuka pondok di Pokok Sena, Seberang Perai pada akhir tahun 1929. Tuan Husain Kedah adalah seorang ulama yang wara' dan rajin beribadah. Sering membawa tongkat ketika berjalan. Beliau bertariqat

Syattariah. Beliau adalah seorang tuan guru pondok yang tegas. Pelajarnya tidak dibenarkan merokok dan berambut panjang. Tuan Husain Kedah adalah seorang ulama besar yang sangat gigih dalam perjuangan menggunakan kalam (perkataan) dan qalam (pena/penulisan) demi penyebaran ilmu pengetahuan Islam. Dalam kesibukan mengajar, beliau masih sempat untuk menulis kitab untuk diwariskan kepada generasi seterusnya. Bahkan antara sumbangan terbesar beliau yang dihargai oleh Sultan Kedah ketika itu iaitu Sultan Abdul Hamid ialah menganggotai Majmak Ulama Kedah yang ditubuhkan oleh Sultan sendiri pada tahun 1904. Beliau akhirnya meninggalkan dunia yang fana ini ketika berumur 74 tahun mengikut kiraan tahun hijriah pada malam Selasa 18 Zulkaedah 1354H, di Pokok Sena, Seberang Perai. Beliau meninggalkan anaknya, Tuan Guru Haji Ahmad dan Hajjah Maryam dari isterinya, Hajjah Khadijah.

Antara anak murid Tuan Husain Kedah yang terkenal adalah Lebai Zakaria dari Pahang, Tuan Umar adik kepada Lebai Zakaria, Lebai Doha dari Perak, Lebai Sulung dari Sungai Bengkalis, Haji Turidi dari Bagan Datoh, Haji Wan Nik, Cik Nah dan Wan Din dari Patani, Syaikh Ismail Hamzah bekas Mufti Perak, Ni'amatullah Tuan Haji Ahmad Tuan Husain yang merupakan anak beliau, Haji Wan Abdullah Zawawi b. Haji Wan Muhammad bekas Kadi Perak, Tuan Haji Abd Rahman b. Haji Abdullah bekas Dato' Murshid Diraja Kedah, Tuan Haji Ghazali b. Haji Arsyad, bekas Mudir Sekolah al-Irsyadiyah al-Diniyah, Bagan Datoh Perak, dan Tuan Syaikh Idris al-Marbawi, Pengarang Kamus al-Marbawi (Arab-Melayu).

## **KARYA-KARYA TUAN HUSAIN KEDAH**

Menurut Shukri Ahmad (Ahmad, 2001), Tuan Hussein Kedah telah menghasilkan sebanyak 18 buah kitab meliputi bidang fikah, usuluddin, tasawuf dan pengetahuan umum dengan berorientasikan pemikiran syariat Ahlus Sunnah wal Jama'ah. Bagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat mengenai jumlah karangan yang dihasilkan oleh beliau. Antara kitab karangan beliau ialah:

1. *Al-Nurul Mustafid fi Aqaid Ahli al-Tauhid*, diselesaikan pada tahun 1305H/1888M. Kandungannya membicarakan tentang tauhid, akidah ASWJ. Kitab ini adalah kitab pertama yang beliau karang.
2. *Tamrin al-Shibyan fi Bayan Arkan al-Islam wa al-Iman*, diselesaikan pada hari Sabtu, 1 Syaaban 1318H. Kandungannya membicarakan tauhid dan akidah ASWJ.
3. *Hidayat al-Shibyan fi Ma'rifat al-Islam wa al-Iman*, diselesaikan pada hari Isnin, 18 Muharam 1330H. Kandungannya membicarakan tentang tauhid dan fiqh.
4. *Hidayat al-Atfal*. Karangan di bidang tauhid.
5. *Kasr al-Iksir li al-Shaghir 'inda al-Kabir li Ma'rifat Allah SWT al-'Alim al-Khabir*, diselesaikan pada hari Khamis, 25 Rabiulakhir 1336H. Kandungannya membicarakan tentang tasawuf dan tarekat.
6. *Hidayat al-Mutafakkirin fi Tahqiq Ma'rifati Rabb al-'Alamin*, diselesaikan pada 3 Rabiulakhir 1337H. Kandungannya membicarakan tentang tauhid, menurut akidah ASWJ.
7. *Tafrih al-Shibyan fi Maulid al-Nabiy min Waladi 'Adnan*, diselesaikan pada hari Selasa 3 Rabiulawal 1341H.
8. *Tazkiru Qabail al-Qadhi*, diselesaikan pada 1343H. Kandungannya merupakan Terjemahan Hadis Jawahir al-Bukhari, terdiri daripada dua juzuk, yang telah dijumpai hanya juzuk yang pertama saja.
9. *Bidayat al-Thalibin ila Ma'rifati Rabb al-'Alamin*, diselesaikan 1344H. Kandungannya membicarakan ilmu tauhid ASWJ.

10. *Ushul al-Tauhid fi Ma'rifati Thuruq al-Iman li al-Rabb al-Majid*, diselesaikan 6 Syawal 1346H. Kandungannya membicarakan falsafah ilmu tauhid dan ilmu fekah.
11. *Hidayat al-Nikah*, diselesaikan 1347H. Kandungannya membicarakan perkara-perkara mengenai nikah kahwin.
12. *Qathr al-Ghaisiyah fi 'Ilmi al-Shufiyah 'ala Syari'at al-Muhammadiyah*, diselesaikan 25 Jumadilawal 1348H. Kandungannya membicarakan tasawuf aliran ASWJ.
13. *Majmu' al-La-ali li al-Nisa' wa al-Athfaliyi*, juzuk yang pertama, diselesaikan pada hari Jumaat, 5 Jamadilakhir 1350H. Kandungan mukaddimahnya menyatakan bahawa judul ini terdiri daripada sepuluh juzuk. Juzuk yang pertama, membicarakan hukum taharah dalam bentuk soal jawab.
14. *Tabshirah li Uli al-Albab*, diselesaikan tahun 1351H. Kandungannya membicarakan tentang akidah dan tauhid ASWJ.
15. *Hidayat al-Ghilman*, diselesaikan pada tahun 1351H. Kandungannya membicarakan tentang akidah dan tauhid ASWJ yang ditulis dalam Bahasa Arab.
16. *Nail al-Maram fi ma Yujabu Husnu al-Khitam*, diselesaikan pada hari Ahad, 6 Sya'ban 1354H. Kandungannya membicarakan tentang beberapa amalan zikir dan wirid untuk mendapatkan husnul khatimah.
17. *Tanbih al-Ikhwān fi Tadbir al-Ma'isyah wa Taslik al-Buldan*, diselesaikan pada tahun 1354H. Kandungannya membicarakan tentang penghidupan dan pentadbiran pemerintahan.
18. *Bunga Geti*, diselesaikan pada tahun 1354H. Kandungannya membicarakan tentang sembahyang qadha atau mengganti sembahyang yang ketinggalan. Kitab ini merupakan kitab terakhir yang beliau tulis.

## **PENULISAN KITAB HIDAYAT AL-MUTAFAKKIRIN**

Meskipun Tuan Husain Kedah diiktiraf sebagai ulama negeri Kedah yang masyhur dan menganggotai Majmak Ulama Kedah yang ditubuhkan oleh Sultan, terdapat riwayat menyatakan bahawa Tuan Husain Kedah pernah dibuang negeri oleh Sultan pada 1921 akibat dari penulisan sebuah kitab yang dikatakan melanggar Akta Tauliah Mengajar dan Cetak Kitab. Dikatakan juga bahawa peristiwa dibuang negeri ini ialah rentetan daripada ketidakpuasan hati Syeikhul Islam Kedah ketika itu iaitu Haji Wan Sulaiman Sidek terhadap Tuan Husain Kedah yang amat tegas dalam masalah muamalat (Ahmad Yumni, 2018). Bagaimanapun menurut Ishak Rejab (Ishak, 1993) sebab utama beliau mendapat murka Sultan sehingga Tuan Husain Kedah pergi membawa diri sehingga ke Seberang Prai adalah kerana penulisan kitab *Hidayat al-Mutafakkirin* yang diterbitkan di Perak. Ini dikatakan oleh Haji Wan Sulaiman Sidek sebagai melanggar undang-undang pemerintahan Kedah. Bagaimanapun, kitab *Hidayat al-Mutafakkirin fi Tahqiq Ma'rifati Rabb al-'Alamin* yang diselesaikan penulisannya oleh Tuan Husain Kedah pada 3 Rabiulakhir 1337H iaitu sekitar Januari 1919 ini mempunyai kandungan yang mempunyai nilai yang tinggi dalam bidang akidah Islam.

## **KONSEP WAHDANIYYATULLAAH DAN MUKHALAFAH-NYA DI SISI AHLU SUNNAH WAL JAMA'AH**

Pembelajaran sifat dua puluh sepertimana yang telah disebutkan oleh para ulama ahlu sunnah wal jama'ah dalam kitab-kitab karangan mereka adalah suatu usaha yang sangat signifikan untuk membenteng seterusnya mempertahankan akidah umat Islam daripada pegangan-pegangan yang

didapati menyimpang daripada akidah Nabiyy Muhammad. Justeru, antara sifat yang disebutkan oleh para ulama dalam tradisi pengajian sifat dua puluh adalah sifat al-wahdaniyyah iaitu esa. Daripada sifat tersebut terbitnya konsep *wahdaniyyatullaah* iaitu ketunggalan Allah. Konsep *wahdaniyyatullaah* ini amat jelas sandarannya berdasarkan firman Allah ta'ala dalam Surah al-Ikhlâs (112: 01):

Terjemahan: “*Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa”*

Berdasarkan ayat di atas, perkataan *ahad*, juga boleh difahami dengan maksud *wahid*, iaitu esa ataupun tunggal. Namun, al-Razi turut mengemukakan pendapat bahawa ada dalam kalangan para ulama yang telah membezakan antara perkataan *ahad* dan *wahid* sebagai contoh, al-Azhari (m. 370H). Di dalam ‘*Umdah al-Raghib*, al-Harari membezakan antara perkataan *al-wahid* dan *al-ahad*. Menurut beliau, *al-wahid* bermaksud Tuhan yang tidak ada sekutu bagiNya dari sudut ketuhanan (*la syarika lahu fi al-uluhiyyah*). Manakala perkataan *al-ahad*, sebahagian para ulama seperti al-Bayhaqi; menyatakan bahawa ia merujuk kepada Tuhan yang sama sekali tidak boleh menerima belah-bahagi (*alladhi la yaqbal al-inqisam wa al-tajazzu’*), atau dalam erti kata yang lain, Dia bukan jisim kerana dari sudut akal, hanya jisim sahaja yang dapat dibahagi-bahagikan dan dijuzu’-juzu’kan. Al-Hulaymi (m. 403H) turut membezakan antara dua nama tersebut dengan menyatakan bahawa kalimah *al-ahad* bermaksud tidak ada sebarang penyerupaan dan bandingan bagi Allah, manakala kalimah *al-wahid* pula bermaksud tidak ada sebarang sekutu bagi Allah. Al-Ghazzali (m. 505H) juga didapati membezakan antara kalimah *al-ahad* dan *al-wahid* dengan menyatakan bahawa *al-wahid* menafikan sekutu bagi Allah dan *al-ahad* menafikan juzu’ bagi zat Allah. Maka oleh sebab itu, al-Azhari menyatakan bahawa perkataan *al-ahad* merupakan salah satu sifat daripada sifat-sifat Allah yang bersifat tersendiri dan istimewa dan kerana itu, ia tidak boleh disifatkan kepada selain Allah *subhanahu wa ta’ala*.

Maka berdasarkan perbincangan daripada ayat yang pertama dari surah al-Ikhlâs tersebut, diketahui bahawa Allah *subhanahu wa ta’ala* telah menyatakan bahawa Dia adalah Tuhan yang Maha esa, tunggal dan tidak berbilang. Sepertimana yang telah disebutkan, perkataan *al-ahad* bermaksud tidak ada sebarang penyerupaan dan bandingan terhadap Allah (*la syabih wa la nazir*). Manakala, perkataan *al-wahid* pula di sisi para ulama tauhid bermaksud tidak ada sekutu bagi Allah *subhanahu wa ta’ala* pada ketuhanan. Justeru kefahaman yang dapat digarap berdasarkan kedua-dua pengertian tersebut adalah Allah *subhanahu wa ta’ala* tidak mempunyai sekutu dan zatNya tidak seperti jisim yang wujud hasil daripada gabungan beberapa bahagian tertentu dan zatNya juga tidak boleh dijuzu’-juzu’kan ataupun dicerai-pisahkan. Dalam hal ini, al-Imam Abu Hanifah telah berkata:

إن الله واحد لا من طريق العدد ولكن من طريق أنه لا شريك له في الألوهية

Terjemahan: “*Sesungguhnya Allah subhanahu wa ta’ala esa bukan dari sudut bilangan, namun Dia esa dengan maksud tidak ada sesuatupun yang sebanding denganNya pada sifat ketuhanan”*

Dalam mengemukakan dalil ketunggalan Allah SWT, para ulama al-Asya’irah turut menggunakan dalil *al-tamanu’* sebagaimana yang telah digunakan oleh al-Asy’ari ketika beliau cuba mengisbatkan ketunggalan Allah SWT menerusi hujah akliyah. Menurut al-Harari, dalil bagi mengisbatkan *al-wahdaniyyah* pada zat Allah SWT adalah; setiap pencipta mestilah bersifat

dengan sifat hidup (*hayyan*), berkuasa (*qadiran*), mengetahui (*'aliman*), berkehendak (*muridan*) dan berkuasa memilih (*mukhtaran*). Maka, sekiranya wujud dua tuhan bagi alam ini, nescaya kedua-dua Tuhan tersebut akan bersifat dengan sifat-sifat tersebut. Disebabkan kedua-dua Tuhan tersebut bersifat dengan sifat Maha memilih (*mukhtaran*), maka harus berlaku perselisihan dalam pilihan yang dibuat oleh mereka. Ini kerana, mereka tidak dipaksa untuk saling bermuafakat dalam melakukan pilihan di antara satu sama lain, jika tidak, sudah tentu mereka terpaksa untuk saling bermuafakat di antara satu sama lain, sedangkan setiap yang teragah (*majbur*) tidak boleh dijadikan Tuhan. Sekiranya salah satu daripada keduanya berselisih dalam melakukan pilihan, sebagai contoh; Tuhan yang pertama menghendaki seseorang hidup dan Tuhan yang kedua menghendaki seseorang mati, maka lazimlah berlakunya tiga *natijah* daripada pilihan tersebut iaitu: pertama: terlaksana kedua-dua hajat Tuhan tersebut, kedua: kedua-dua hajat Tuhan-tuhan tersebut tidak terlaksana, ketiga: terlaksana hajat Tuhan yang pertama, manakala hajat Tuhan yang kedua tidak terlaksana. Maka, untuk *natijah* pertama, ia adalah perkara yang mustahil terjadi kerana manusia tidak boleh hidup dan mati dalam satu masa berdasarkan kaedah “*dua perkara yang berlawanan tidak boleh berhimpun dan tidak juga boleh berpisah dalam satu masa*” (الضدان

لا يجتمعان ولا يفترقان). Sekiranya kedua-dua hajat Tuhan tersebut tidak terlaksana, maka kedua-duanya adalah lemah, sedangkan setiap yang lemah tidak boleh menjadi Tuhan. Sekiranya salah satu daripada pilihan Tuhan tersebut terlaksana, manakala hajat Tuhan yang satu lagi tidak terlaksana, maka, Tuhan yang pertama layak untuk dipertuhankan manakala Tuhan yang kedua tidak layak menjadi Tuhan disebabkan Tuhan tersebut bersifat lemah. Maka *natijahnya*, thabitlah satu Tuhan yang memiliki, menguasai dan mentadbir alam ini.

Seterusnya, dalam membahaskan ketunggalan Allah juga, para ulama tauhid seperti al-Bayjuri (m. 1213H) dan al-Sawi (m. 1241H) mengemukakan konsep *kam* yang lima yang tidak kurang pentingnya untuk difahami oleh umat Islam iaitu; *al-kam al-muttasil fi al-dhat*, *al-kam al-munfasil fi al-dhat*, *al-kam al-muttasil fi al-sifat*, *al-kam al-munfasil fi al-sifat*, dan *al-kam al-munfasil fi al-af'al*. Menerusi pemahaman terhadap *kam* yang lima ini, penonjolan ketunggalan Allah *subhanahu wa ta'ala* akan lebih jelas mencakup aspek zat, sifat mahupun perbuatan. Sebagai contoh, *al-kam al-muttasil fi al-dhat* bermaksud zat Allah tidak seperti zat makhluk yang terhasil daripada cantuman dan gabungan beberapa juzu'. *al-kam al-munfasil fi al-dhat* pula bermaksud tidak ada suatu zatpun yang seperti zat Allah *subhanahu wa ta'ala*. *al-kam al-muttasil fi al-sifat* bermaksud menafikan berbilangnya sifat-sifat Allah daripada jenis-jenis yang sama. Ini seterusnya membawa pemahaman bahawa Allah *subhanahu wa ta'ala* mempunyai sifat qudrah yang tunggal, sifat 'ilm yang tunggal, begitulah untuk sifat-sifat ma'ani yang lainnya. *al-kam al-munfasil fi al-sifat* pula bermaksud menafikan kewujudan sesuatu yang mempunyai sifat yang seperti sifat Allah. Manakala *al-kam al-munfasil fi al-af'al* pula menafikan wujudnya sesuatu yang bersekutu dengan Allah *subhanahu wa ta'ala* dalam menjadikan dan mentiadakan makhluk-makhluk ciptaanNya. Maka, berdasarkan faham ketunggalan Allah *subhanahu wa ta'ala*, seseorang itu dengan secara mudah akan dapat menafikan konsep *kam* yang lima ini.

Manakala konsep Mukhalafah Allah daripada menyerupai makhluk juga adalah suatu konsep dalam perbahasan ketuhanan yang sangat mustahak untuk difahami. Ini kerana ia adalah di antara asas terbesar dalam makrifatullah. Kejahilan berhubung asas ini adalah suatu kejahilan yang tidak diizinkan. Hal ini disebabkan, semata-mata akal walaupun tidak pernah warid nas berhubung pengithbatan sifat-sifat Allah yang tiga belas termasuk *mukholafatuhu lil hawadith*, akal tetap mampu untuk mengidrak akan sifat-sifat tersebut. Oleh sebab itu, wajib pada syarak ke atas setiap mukallaf mengetahui serta beriktikad dengan mengaku putus di dalam hatinya bahawa

bersalahan Allah taala bagi segala yang baharu. Ini berdasarkan firman Allah taala (Surah al-Ikhlash 112: 04):

وَمَا يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

Terjemahan: “Dan tidak ada sesuatupun yang serupa denganNya”.

Berdasarkan ayat di atas, difahami bahawa Allah *subhanhu wa ta'ala* telah menafikan kewujudan sebarang bentuk kewujudan yang sebanding dan serupa dengan Allah *subhanahu wa ta'ala*. Ini kerana, perkataan *kufuwan* dalam ayat tersebut bermaksud *al-'adil, al-mathil, al-syabih, al-nazir dan al-sahabah* iaitu bandingan, persamaan dan penyerupaan. Ayat ini juga sekaligus mengandungi penyucian zat Allah *subhanahu wa ta'ala* daripada menyerupai makhluk-makhluk ciptaanNya sama ada dari sudut zat, sifat dan perbuatanNya. Sekiranya diteliti, ayat ini didapati mempunyai persamaan dengan firman Allah dalam Surah al-Syura (42: 11):

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Terjemahan: “Tiada sesuatupun yang sebanding denganNya. Dia lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat”.

Dalam memahami ayat di atas, al-Harari berpendapat bahawa ia merupakan nas yang paling jelas dalam al-Quran dalam mengungkapkan perihal penyucian Allah daripada menyerupai makhluk-makhlukNya. Ini kerana, ia mengandungi makna penyucian secara total (*al-tanzih al-kulli*) sekaligus menafikan segala bentuk persamaan yang mungkin terjadi antara Allah dan makhluk walau dalam apa jua bentuk sekalipun (*bi 'ayyi wajhin min al-wujuh*). Huruf '*kaf*' pada kata *ka mithlihi* dalam ayat tersebut, dari sudut kaedah bahasa 'Arab adalah huruf '*kaf*' yang membawa faedah untuk memperkukuhkan penafian (*li ta'kid al-nafyi*) dalam ayat tersebut. Selain itu, al-Harari juga turut berpendapat bahawa perkataan *syai'* yang datang dalam bentuk nakirah dalam ayat tersebut telah membawa faedah penafian yang umum dan syumul terhadap segala jenis makhluk. Kenyataan beliau ini berdasarkan kaedah; *al-nakirah fi siyaq al-nafyi tufid al-'umum wa al-syumul* yang bermaksud, lafaz nakirah yang terdapat pada ayat nafi akan memberi faedah keumuman dan kesyumulan. Maka, menurutnya, tafsir bagi ayat ini adalah: “Sesungguhnya tidak ada sesuatupun yang menyerupai Allah walau dalam apa jua bentuk sekalipun” (*anna Allah la yusybihuhu sya' bi ayyi wajhin min al-wujuh*).

Pemahaman terhadap konsep mukhalafah Allah bagi segala yang baharu ini membawa erti bahawa Allah tidak sama dengan makhluk baik dari sudut zat, sifat mahupun perbuatan. Bersalahan pada zat dengan makna zat Allah bukan jirim yang bertempat walaupun di mana-mana tempat sedangkan makhluk adalah jirim yang bertempat. Bersalahan pada sifat pula dengan makna sifat-sifat Allah bukannya '*arad* yang menumpang pada jirim seperti halnya perkara-perkara yang baharu. Bahkan segala sifat Allah adalah sifat yang azali. Sementara bersalahan pada perbuatan pula dengan makna perbuatan Allah tidak sama dengan perbuatan yang baharu kerana perbuatan Allah adalah menjadikan yang tiada kepada ada, sedangkan perbuatan makhluk tidak begitu. Allah taala wajib bersalahan dengan makhlukNya kerana sekiranya Dia sama dengan makhlukNya, nescaya harus ketuhanan itu pada makhluk dan harus juga segala sifat yang baharu pada hak Allah taala. Ini kerana, dua perkara yang saling menyamai di antara sama lain pastinya harus ke atas salah satu daripada keduanya apa yang harus ke atas yang satu lagi. Sedangkan baharunya Allah taala itu adalah suatu kemustahilan yang nyata kerana telah thabit bahawa Allah bersifat qidam dan baqa'.



Jika ditinjau di dalam kitab Hidayah al-Mutafakkirin, ternyata pegangan inilah yang dibawa oleh Tuan Husain Kedah. Ini berdasarkan kata beliau:

*“Ertinya zat Allah ta’ala itu bukan Ia jirim dan jisim dan jawhar fard dan tiada Ia berpihak dan tiada Ia pada satu pihak bagi jirim dan tiada Ia bertempat dan tiada Ia bermasa dan tiada Ia bersifat dengan kecil dan tiada Ia bersifat dengan besar dan tiada Ia bersifat dengan segala sifat yang baharu ini...”*

Pada hakikatnya, Tuan Husain Kedah tidaklah berseorangan dalam menelusuri jalan pegangan ini, bahkan ia juga adalah pegangan bagi para ulama Tanah Jawi yang terdahulu. Dia antara mereka adalah:

Al-Syaikh Dawud ibn ‘AbduLlah al-Fatani berkata dalam kitabnya *al-Durru al-Thamin*:

*“Maka wajib atas mukallaf menafikan daripada Allah Tuhan sekalian alam daripada serupai akan Dia dengan segala yang baharu seperti jirim dan ‘arad dan yang melazimkan bagi jirim dan ‘arad (dan) lazim bagi jirim itu empat perkara iaitu baharu dan bersusun dan mengambil lapang [ruang atau tempat] dan qabul bagi ‘arad seperti maqadir [ukuran dan sukatan] dan jihah [arah] dan zaman dan hampir dan jauh dan kecil dan besar dan bersentuh dan bergerak dan diam...”*

Al-Syaikh ‘Abdus-Samad ibn al-Falimbani (w. 1206 H) berkata dalam kitabnya *Hidayatus-Salikin*:

*“Maha suci Allah ta’ala daripada pindah dan bergerak dan mengambil tempat dan bertempat yang tertentu pada suatu benua dan berpihak dengan pihak yang tertentu... tiada meliputi akan Allah ta’ala itu oleh tempat... dan tiada menentukan Allah ta’ala itu oleh zaman... adalah Allah itu dahulu daripada bahawa Ia menjadikan akan zaman dan tempat dan adalah Allah ta’ala sekarang atasnya iaitu ada Ia sedia tiada berubah-ubah daripada sedia-Nya”*

Al-Syaikh Zainul-‘Abidin al-Fatani yang masyhur dengan panggilan Tuan Minal berkata dalam kitabnya *‘Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usul al-Din*:

*“(Mukhalafatuhu li al-hawadith) ertinya bersalahan Allah ta’ala bagi segala yang baharu; ertinya tiada bersamaan Allah ta’ala bagi segala yang baharu, maka diketahui daripada yang demikian itu menafikan jirim dan ‘arad dan kulliyah dan juz ‘iyyah dan segala yang lazim bagi segala perkara itu. Dan yang lazim bagi jirim empat perkara pertama baharu dan keduany bersusun dan ketiga mengambil lapang [ruang atau tempat] dan keempat menerima bagi ‘arad...”*

Al-Syaikh Muhammad ibn Isma’il Dawud al-Fatani berkata kitabnya *Matla’ul-Badrain wa-Majma’il-Bahrain*:

*“Dan setengah daripada yang mustahil pada hak Allah ta’ala dua puluh sifat dan iaitu segala lawan dua puluh sifat; pertama dan iaitu (‘adam) ertinya tiada (dan huduth) ertinya baharu..... (dan mumathalah dengan hawadith) ertinya*

*menyerupai dengan yang baharu dengan bahawa ada Ia berjirim ertinya mengambil zat-Nya yang maha tinggi akan kadar daripada lapang atau ada Ia 'arad yang berdiri dengan jirim atau ada Ia pihak bagi jirim atau bagi-Nya pihak atau berhad Ia dengan tempat...".*

Al-Sultanul-Mu'azzam 'Ala'ud-din Sulaiman Syah berkata dalam kitab baginda *Pohon Agama; Bahagian Rukun Iman*:

*"5. "Qiyamuhu bi-nafsi-hi" maka bukan Ia jirim (mengambil lapang) dan bukan Ia 'arad (barang yang berkehendak kepada tempat pendiriannya). Maka tiada Ia di atas sesuatu dan tiada Ia di bawah sesuatu dan tiada ada kanan sesuatu dan tiada di kiri sesuatu dan tiada di hadapan sesuatu dan tiada di belakang sesuatu dan tiada bagi-Nya atas dan tiada bagi-Nya bawah dan tiada bagi-Nya kanan dan [tiada] bagi-Nya kiri dan tiada bagi-Nya hadapan dan tiada bagi-Nya belakang dan tiada bermasa dan tiada bertempat dan tiada disifatkan zat-Nya dengan kecil atau besar atau panjang atau pendek dan tiada bersifat zat-Nya dengan warna putih atau kuning atau hijau atau barang sebagainya dan tiada bermasukkan dengan sesuatu dan tiada Ia mengambil manfaat atau kerana menolak mudarat".*

Al-Syaikh Ahmad b. Muhammad Zain b. Mustafa al-Fatani berkata dalam kitabnya *Faridatul Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id*:

*"(Keempat mukhalafatuhu lil hawadith) ertinya bersalahan Tuhan subhanahu wa ta'ala bagi segala yang baharu, dan maknanya ketiadaan menyamai Allah ta'ala bagi segala makhluk dan jika pada satu wajah sekalipun kerana segala yang baharu ini tiada sunyi ia daripada bahawa ada ia jauhar ( ) atau ada ia 'arodh dan Allah Ta'ala bukan jauhar dan bukan 'arodh maka tiada Ia menyerupai akan sesuatu daripada makhluk sekali-kali maka jikalau mencampak oleh syaitan pada zihin engkau bahawasanya apabila tiada tuhan itu jirim dan tiada 'arodh maka apalah hakikatnya maka kata olehmu pada menolak demikian itu tiada mengetahui Allah melainkan Allah jua (laysa ka mithlihi syay') ertinya tiada sepertiNya sesuatu dan Ialah yang amat mengetahui dan amat melihat".*

Maka, berdasarkan konsep mukhalafah Allah bagai sekalian yang baharu tersebut, difahami bahawa Allah *subhanahu wa ta'ala* tidak bertempat, tidak diliputi oleh arah yang enam, dan tidak juga memiliki anggota-anggota badan sepertimana makhluk-makhluk ciptaanNya. Justeru, tindakan menjisimkan Allah *subhanahu wa ta'ala* dengan mengatakan Allah *subhanahu wa ta'ala* duduk di atas 'arasy, mempunyai wajah, tangan, dan mata yang tidak menyerupai anggota manusia, maka kesemua huraian seperti itu didapati tidak pernah dilakukan oleh para ulama muktabar daripada aliran arus perdana dalam akidah seperti al-Asha'irah dan al-Maturidiyah. Dalam hal ini, Ibn Hajar al-Haytami berkata:

واعلم أن القرافي وغيره حكوا عن الشافعي ومالك وأحمد وأبي حنيفة رضي الله عنهم القول بكفر القائلين  
بالجهة والتجسيم وهم حقيقون بذلك

Terjemahan: “Dan ketahuilah bahawasanya al-Qarafi dan selainnya telah meriwayatkan daripad al-Syafi ‘i, Malik, Ahmad dan Abu Hanifah r.a berhubung kufurnya mereka yang menyandarkan arah bagi Allah SWT dan menjisimkanNya dan mereka [al-Syafi ‘i, Malik, Ahmad dan Abu Hanifah] memang benar berpendapat sedemikian”.

Mulla ‘Ali al-Qari berkata:

بل قال جمع منهم –أي من السلف- ومن الخلف إن معتقد الجهة كافر كما صرح به العراقي وقال:  
إنه قول لأبي حنيفة ومالك والشافعي والأشعرية الباقلاني

Terjemahan: “Bahkan segolongan dari kalangan ulama salaf dan khalaf berkata bahawa orang yang beriktikad adanya arah bagi Allah SWT dihukum kafir sebagaimana yang telah dijelaskan oleh al- ‘Iraqi, beliau berkata: sesungguhnya ia adalah pendapat Abu Hanifah, Malik, al-Syafi ‘I, al-Asy‘ari dan al-Baqillani”.

Manakala al-Baghdadi ketika menjelaskan perkara-perkara usul yang telah diijma’kan oleh ASWJ, beliau turut menaskan:

وأجمعوا على أنه لا يحويه مكان، ولا يجري عليه زمان

Terjemahan: “Golongan ASWJ telah bersepakat bahawa Allah S.W.T tidak diliputi oleh tempat dan tidak berlalu masa ke atasNya”.

Selain itu, Imam al-Haramyn juga telah menukulkan ijma’, beliau berkata:

مذهب أهل الحق قاطبة أن الله سبحانه وتعالى يتعالى عن التحيز والتخصص بالجهات

Terjemahan: “Mazhab ahl al-Haq keseluruhannya [beriktikad] bahawa Allah SWT maha suci daripada mengambil tempat dan mempunyai arah”.

Bahkan al-Imam al-Nawawi turut menukulkan ijma’ dengan katanya:

عن القاضي عياض المالكي أنه قال: لا خلاف بين المسلمين قاطبة فقيهم ومحدثهم ومتكلمهم ونظارهم ومقلدهم أن الظواهر الواردة بذكر الله في السماء كقوله تعالى: (ءأمنت من في السماء)، ونحوه ليس على ظاهرها بل متأولة عند جميعهم

Terjemahan: Diriwayatkan daripada al-Qadi ‘Iyad al-Maliki bahawasanya beliau berkata: “tidak wujud perselisihan antara seluruh umat Islam termasuk yang faqih dalam kalangan mereka, golongan ahli hadis, mereka yang pakar dalam ilmu kalam, ahli fikir dan mereka yang bertaqlid, bahawa sesungguhnya makna zahir yang warid pada firman Allah “di langit” (fi al-sama’), seperti firman Allah SWT: [Terjemahannya] “adakah kalian beriman dengan mereka yang berada di langit” dan nas-nas yang seumpamanya; adalah bukan difahami berdasarkan faham zahir [dari nas tersebut] bahkan ia dita’wilkan di sisi mereka”.

Begitu juga dengan al-Imam al-Tahawi menerusi akidah al-Tahawiyyah, beliau dipetik sebagai berkata:

تعالى (يعني الله) عن الحدود والغايات والأركان والأعضاء والأدوات، لا تحويه الجهات الست كسائر  
المبتدعات

Terjemahan: “Maha Suci Allah daripada segala had batasan, batas akhir (penghujung), segala rukun (sudut atau sisi), anggota besar dan anggota kecil, Dia tidak dilindungi oleh arah yang enam sebagaimana ciptaan-ciptaan yang lain”.

Selain itu, penelitian yang dilakukan juga mendapati bahawa perbuatan menyandarkan suatu sifat yang tidak layak ke atas Allah *subhanahu wa ta'ala* merupakan suatu tindakan yang jelas menghina dan mencera Allah *subhanahu wa ta'ala*. Ini berdasarkan hadis yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَالَ اللَّهُ كَذَّبَنِي ابْنُ آدَمَ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ وَشَتَمَنِي وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ فَأَمَّا تَكْذِيبُهُ إِيَّايَ فَقَوْلُهُ لَنْ يُعِيدَنِي كَمَا بَدَأَنِي وَلَيْسَ أَوَّلُ الْخَلْقِ بِأَهْوَنَ عَلَيَّ مِنْ إِعَادَتِهِ وَأَمَّا شَتْمُهُ إِيَّايَ فَقَوْلُهُ اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا وَأَنَا الْأَحَدُ الصَّمَدُ لَمْ أَلِدْ وَلَمْ أُؤَلَدْ وَلَمْ يَكُنْ لِي كُفْمًا أَحَدٌ

Terjemahan: *Diriwayatkan daripada Abi Hurayrah radiyallahu ‘anhu, daripada Nabi sallahu ‘alayh wasallam, baginda bersabda, Allah berfirman: “HambaKu telah mendustakanKu dan tidaklah sepatutnya Dia berkelakuan sedemikian. HambaKu telah mencaciKu dan sepatutnya dia tidak sebegitu. Adapun pendustaannya terhadapKu adalah dia mengatakan: Allah sama sekali tidak dapat mengembalikan kejadianku sebagaimana Dia mula-mula menciptaKu, sedangkan tidaklah memulakan penciptaan terhadap sesuatu itu lebih mudah bagiKu daripada mengulangi kejadiannya. Manakala caciannya terhadapKu adalah dia mengatakan: Allah mempunyai anak, sedangkan Aku adalah Tuhan yang Esa, Tuhan yang menjadi tumpuan sekalian makhluk, Aku tidak beranak dan tidak juga diperanakan, dan tidak ada sesuatupun yang sebanding denganKu”*

Justeru, berdasarkan hadis di atas, antara perkara penting yang dapat difahami daripadanya adalah Allah *subhanahu wa ta'ala* maha suci daripada besifat dengan sifat-sifat yang tidak layak bagi zatNya. Selain itu, turut juga diketahui bahawasanya barangsiapa yang menyandarkan sifat-sifat yang tidak layak ke atas Allah, termasuk menyamakanNya dengan makhluk-makhluk ciptaanNya dan mengadakan suatu bandingan terhadapNya, maka perbuatan tersebut bukan hanya secara jelas telah mendustakan Allah *subhanahu wa ta'ala*, bahkan ia secara tidak langsung merupakan suatu bentuk ceriaan dan cacian terhadap Allah *subhanahu wa ta'ala* yang pada akhirnya akan menatijahkan murtad dan kufur terhadap orang yang mengungkapkan ucapan dusta tersebut.

Maka, bertitik tolak daripada kefahaman yang terjana daripada konsep mukhalafah ini, didapati bahawa para ulama al-Asya‘irah terbukti mempunyai pemahaman tauhid yang lurus dan benar. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi sikap mereka ketika mendefinisikan istilah tauhid. Sebagai contoh, dalam mengemukakan definisi tawhid, Ibn Hajar al-‘Asqalani (m. 852H) berkata:

golongan *ahl al-sunnah* telah mentafsirkan tauhid sebagai; ‘penafian terhadap *tasybih* dan *ta‘til*’ (أهل السنة فسروا التوحيد بنفي التشبيه والتعطيل). Imam al-Junayd al-Baghdadi (m. 297H) pula mengatakan bahawa tauhid adalah menyucikan Allah -yang [bersifat] tidak mempunyai permulaan bagi kewujudanNya- daripada menyerupai makhluk (التوحيد: إفراد القديم من المحدث). Abu al-Qasim al-Tamimi pula berpendapat bahawa perkataan *tawhid* adalah kata terbitan bagi kalimah *wahhada*, dan makna frasa ‘aku mentawhidkan Allah’ (*wahhadtullah*) adalah aku mengesakan Allah dari sudut zat dan sifatNya, tidak ada suatu zatpun yang sebanding atau yang menyerupaiNya. Ibn Battal (m. 449H) pula dipetik sebagai berkata: terkandung di dalam pemahaman tauhid adalah Allah *subhanahu wa ta‘ala* bukan jisim kerana sesuatu yang berjisim terdiri daripada beberapa bahagian yang bersusun/bercantum.

Sementara Dhu al-Nun al-Misri (m. 245H) pula diriwayatkan ketika beliau ditanya tentang makna tauhid, antara yang beliau nyatakan adalah; “segala perkara yang tergambar di dalam benak fikiranmu, maka Allah *subhanahu wa ta‘ala* tidak sama sekali seperti perkara yang kamu gambarkan tersebut” (كل ما تصور في وهمك فالله بخلاف ذلك). Maka berdasarkan definisi-definisi di atas difahami bahawa, perkataan tauhid antara lain mengandungi erti penafian mutlak wujudnya sebarang bentuk penyamaan antara Allah *subhanahu wa ta‘ala* dan makhluk-makhluk ciptaanNya. Lawan bagi perkataan tauhid adalah *al-tasybih* iaitu mengadakan suatu bentuk penyerupaan terhadap Allah *subhanahu wa ta‘ala* yang pastinya ia bercanggah dengan konsep mukhafah Allah bagi segala yang baharu.

## **SOROTAN PENOLAKAN TUAN HUSAIN KEDAH TERHADAP IKTIKAD *HULUL* DAN *WAHDAH AL-MUTLAQAH***

Tuan Husain Kedah didapati begitu tegas dalam perkara yang bersangkutan-paut dengan soal akidah. Sebagai contoh dalam pembicaraan sifat Wahdaniyyah, beliau memulakan bantahan keras terhadap golongan yang mendakwa-dakwa diri mereka sebagai sufi dan berpegang dengan fahaman Martabat Tujuh. Mereka ini kononnya ingin membicarakan mengenai hakikat insan, hakikat Muhammad, hakikat niat sembahyang, hakikat musyahadah, asal usul sembahyang, puasa, zakat dan haji, makna Islam, makna Iman, makna hakikat, makna makrifat, makna syariat, namun kata Tuan Husain Kedah, mereka ini pada hakikatnya bersumberkan kitab yang bukan karangan ulama benar yang *Rasikhin*. Beliau menyatakan bahawa golongan ini terjebak ke dalam kancang akidah sesat bercirikan berikut:

- a. Menyalahi syarak dan ijmak;
- b. Menafikan sifat Wahdaniyyah Allah SWT;
- c. Menafikan sifat Mukhalafah lil-Hawadith;
- d. Mengithbatkan kekurangan pada Allah SWT; dan
- e. Melakukan persamaan di antara Allah SWT dengan makhluk-Nya.

Ini dapat dilihat dengan kata beliau:

*“[Tanbih] telah hamba dapat akan beberapa perkataan yang menyalahi ia bagi syarak, dan daripada barang yang ijmak oleh segala ulama ahlus sunnah wal jamaah yang me bawa ia kepada menafi akan wahdaniyyatuLlaah taala, dan akan*

*mukhalafahNya bagi segala yang baharu ini dan me[n]glisthbat ia akan kekurangan bagiNya dan bersamaan dengan yang baharu ini dan berbilang dan benda pada zatNya dan pada segala sifatNya iaitu barang yang tersebut ia di dalam beberapa daftar yang dibicara padanya akan martabat tujuh dan sebenar-benar insan dan sebenar-benar Muhammad dan hakikat niat sembahyang dan musyahadah akan Allah taala dan insan kamil dan mengenal diri dan asal usul sembahyang, puasa zakat, haji, dan sebenar-benar syahadah dan ucap yang sebenar dan bicara tafsil makna anasir yang empat dan makna iman, islam, tauhid, makrifah dan makna syariat dan tarekat dan hakikat dan sakarat al-mawt dan hakikat ruh yang ada kebanyakan daftar itu berg[an]tung-g[an]tung tali yang bukan ia daripada karangan ulama yang rasikhin tetapi adalah ia daripada taswilat asy-syayatin”.*

Tuan Husain Kedah telah mendapati bahawa terdapat karya-karya golongan mutasawwifah yang tersebar di kalangan orang ramai. Ada antaranya mempunyai judul tanpa pengarang seperti kitab *Bayan Alif*, ada antaranya mempunyai pengarang tanpa judul dan ada juga yang mempunyai judul dan nama karangan seperti kitab *Majmu' al-Asrar li Ahlillahi al-Atyar* karangan Muhammad Nafis dan ada juga yang ditulis tanpa judul dan tanpa nama pengarangnya. Antara pegangan yang dibawa dalam kitab-kitab tersebut adalah:

- a. Kepercayaan mengenai kesatuan Allah SWT, Nabiy Adam dan Nabiy Muhammad sehingga membawa kepada pengakuan “Ana al-Haq”;
- b. Kepercayaan bahawa Allah SWT adalah zat, Nabiy Muhammad adalah sifat dan Nabiy Adam adalah perbuatan Allah SWT dan ketiga-tiga ini bersifat Qadim;
- c. Kepercayaan bahawa Nabiy Adam adalah Abu al-Basyar (bapa manusia) dan Nabiy Muhammad adalah Abu al-Arwah (bapa ruh) dan kedua-duanya bersifat Qadim;
- d. Kepercayaan bahawa rupa insan adalah Nabiy Adam, lembaga insan adalah Nabiy Muhammad dan batin insan adalah Allah SWT;
- e. Kepercayaan bahawa Allah SWT meresap dalam manusia yang elok rupa parasnya;
- f. Kepercayaan terhadap ilmu tahan kulit jadi kebal dengan menyamakan Allah SWT dan Nabiy Muhammad dengan besi;
- g. Kepercayaan bahawa Allah SWT meresap dalam jasad Nabiy Muhammad, kerana itu wujudnya dua kalimah syahadah;
- h. Kepercayaan bahawa zat Allah SWT seumpama cahaya putih yang ada antara dua kening apabila nyawa ditarik;
- i. Kepercayaan bahawa Allah SWT adalah cahaya yang bersinar cemerlang memenuhi Timur dan Barat;
- j. Kepercayaan bahawa Allah SWT adalah seumpama isi telur yang terbentuk antara dua kulitnya yang terpisah, kulitnya jadi langit dan isinya jadi bumi; dan
- k. Kepercayaan bahawa Allah SWT berpindah-pindah tempat

Hal ini seperti kata beliau:

*“(Setengah daripada daftar itu) tiada sebut namanya dan nama wadi'nya ertinya orang yang mengarangnya dan setengah daripadanya disebut nama daftarnya jua dan tiada disebut nama wadi'nya, iaitu seperti bayan alif dan setengan*

daripadanya disebut namanya dan nama wadi'nya iaitu seperti Majmu' al-Asrar li Ahl Allah al-Atyar namanya wadi'nya Muhammad Nafis (iaitu bermula kata Nabi Muhammad wa Muhammad wa Adam wahid, bermula Allah dan Muhammad dan Adam satu kerana inilah kata setengah arif billaah ana Allah (أنا الله) dan kata setengahnya ana al-haq (أنا الحق) intaha. Dan telah mendatang oleh mereka itu dalil yang fasid atas sebenar yang demikian itu denagn katanya (kerana Alaaah taala itu zat dan Muhammad itu sifat Allah dan Adam itu af'al Allah jadi ketiga-tiganya itu qadim) dan lagi katanya (Muhammad itu Abu al-Arwah dan Adam Abu al-Basyar maka sekalian manusia ini daripada keduanya maka jadilah segala manusia pun qadim jua pulang kepada wujud yang sat) dan lagi kata mereka itu di dalam setengah daftar itu (sebenar-benar insan itu nyawa dan sebenar-benar nyawa itu Muhammad dan sebenar-benar Muhammad itu Allah) dan lagi katanya (rupa insan itu adam dan lembaga insan itu Muhammad dan batin insan itu Allah) dan lagi kata mereka itu (bermula sebenar-benar insan itu Muhammad dan sebenar-benar Muhammad itu insan dan sebenar-benar insan itu rahsia dan sebenar-benar rahsia itu wujud Allah maka inilah muraqabah dhat al-bahth) kata setengah mereka itu bermula Allah taala iaitu orang-orang yang menempati pada anak mata di dalam rangka mata (dan berkata setengah mereka itu bermula Allah taala menjelma ia di dalam orang yang elok rupanya (dan setengah daripada yang demikian itu ilmu yang hala ke dunia) iaitu seperti ilmu tahan kulit jadi kebal berkata empunyai Allah Muhammad besi ketiga-tiganya berbika-bika kata Allah aku tua kata Muhammad aku tua kata besi aku tua kemudian berkata Allah kepada Muhammad dan besi jika hangpa tua cuba hangpa meresap Muhammad tiada meresap kemudian meresap pula besi tiada jadi resap kemudian meresap Allah maka resap ia di dalam besi; perkataan ini panjang lagi (dan demikian lagi) barang yang berkata akan ia oleh setengan juhala' pada asalnya itu berkata ia Allah dan Muhammad berbika-bika keduanya seperti yang dahulu itu jua dan tatkla meresap Allah maka meresap Ia di dalam Muhammad maka Muhammad pun cari akan Dia tiada berjumpa maka menyeru ia akan Dia denga katanya Allahu Akbar-Allah Akbar أشهد ان لا إله إلا الله kemudian berkata Allah أشهد أن محمدا رسول الله kemudian kata Muhammad حي على الصلاة hingga akhirnya (dan lagi kata setengah mereka itu) maka tatkala hapir seseorang yang hendak mati itu oleh keluar ruhnya maka datanglah satu nur cahaya putih seperti kapas di busur yang tiada seumpamanya suatu terdiri daripada قوسين قوسين iaitu dua kening naik ke atas alam kudus iaitu ubun-ubun maka itulah zat Allah taala dan lagi (kata setengah mereka itu) bagi murinya jadi belum sifat belum langit belum bumi Allah belum di mana maka kata muridnya itulah yang saya mencarinya maka kata gurunya ada sat seumpama sebiji telur yang dinamakan akan dia belum jadi kemudian yang itu terbelah dua kulitnya jadi langit dan isinya jadi bumi dan Allah keluar daripada dua itulah maka ilmu ini panjang lagi (dan lagi kata setengah mereka itu) Allah itu berubah-ubah tempatNya pada hari ini dan pada hari itu di situ, demikianlah dikata pada sekalian hari itu, dan lagi katanya pula orang yang sembahyang subuh berhadap sebelah ini tiada betul di isyarat sebelah mata hari jatuh, kerana Allah duduk sebelah ini, diisyarat

*sebelah matahari naik, dan pada waktu ini ia tidur dan pada waktu ini begian-begian kelakuannya yang tertentu dikatakan atas beberapa kelakuan yang tiada di redha oleh syarak dan panjang perkataannya lagi tiada lulus hamba hendak citera akan dia”.*

Berhubung hukum ke atas mereka yang berpegang dengan sekian pegangan yang telah disebutkan di atas, Tuan Husain Kedah menyatakan bahawa mereka adalah musyrik, sesat dan menyesatkan dan telah jadi kafir. Kata beliau:

*“(ketahui olehmu) bahawasanya sekalian mereka yang tersebut itu sesat sekaliannya lagi menyesat akan orang lain pula dan dinamakan dia musyrik ertinya menyekutu akan Allah dengan yang lainNya dan dinamakan dia pula mulhidah dan hululiyah dan ittihadiah (dan sekalian itu jadi kafir ia) na’udhubiLlaah minha dengan iktikad yang tersebut itu kerana sekaliannya itu menafi akan wahdaniyyatuLlaah dan menafi akan mukhalafahNya daripada baharunya ini dan me[ng]jithbat akan beberapa syirik bagi Allah taala dan baharu dan bertempat dan berpihak dan banding dan kekurangan bagiNya dan me[ng]jithbat akan keadaannya berjirim dan berjisim dan mengambil lapang”*

## **HUJAH PENOLAKAN TUAN HUSAIN KEDAH TERHADAP PEGANGAN HULUL DAN WAHDAH AL-MUTLAQAH**

Tuan Husain Kedah berpendapat bahawa iktikah *hulul* dan *wahdah mutlaqah* adalah dua jenis iktikad yang menyimpang daripada ajaran akidah yang tulen. Ini kerana, kedua-duanya menafikan wahdaniyyatuLlaah dan mukhalafahNya bagi sekalian yang baharu. Bagi memperkuatkan hujah yang dibawa, beliau menukilkan perkataan Ibn Hajar al-‘Asqalani menerusi kitabnya yang berjudul *al-I‘lam* dan *Zawajir*. Tuan Husain Kedah menyatakan bahawa kedua-dua iktikad ini adalah kufur dengan ijmak sebagaimana dinukilkan oleh Syaikh Ibn Hajar. Pegangan yang dimaksudkan ialah:

- a. Kepercayaan bahawa Allah SWT meresap dalam manusia atau selainnya;
- b. Kepercayaan bahawa Allah SWT bersatu dengan makhluk;
- c. Kepercayaan bahawa Allah SWT menempati dalam rupa yang elok; dan
- d. Kepercayaan bahawa Allah SWT itu adalah roh dan cahaya yang bersatu.

Kata beliau:

*“(Bermula dalil yang menunjuk atas kufur) orang yang beriktikad yang demikian kata Syaikh Ibn Hajar di dalam kitab al-I‘lam (ومن زعم أن الإله يحل في شيء من أحد الناس أو غيرهم فهو كافر) ertinya barangsiapa menyangka ia akan bahawasanya Allah taala bertempat ia pada suatu daripada seseorang manusia atau pada yang lain daripada mereka itu maka iaitu kafir ia dan lagi katanya والاتحاد ertinya seperti bertempat itu الاتحاد ertinya bersatu Ia dengan suatu ertinya jadi kafir orang yang iktikad yang demikian ini. Dan lagi katanya di dalam kitab zawajir pada*





*yang elok-elok menyangka mereka itu bahawasanya tuhan yang disembah oleh mereka itu iaitu menempati di dalamnya”.*

Seterusnya, setelah Tuan Husain Kedah melakukan beberapa nukilan terhadap para ulama lain berhubung iktikad hulul dan ittihad, lalu beliau menghukumkan bahawa golongan ini adalah terkeluar daripada Islam kerana mereka telah menyamakan Allah SWT dengan makhluk-Nya. Ini sepertimana yang telah disebutkan oleh beliau:

*“....dengan sorehnya atas jadi kafir orang musyrik dengan Allah dan orang yang iktikad akan hulul Allah pada suatu atau ittihadNya dengan suatu atau menyamai dengan suatu...”.*

### **ANALISIS TERHADAP PENOLAKAN TUAN HUSAIN KEDAH BERHUBUNG DAKWAAN GOLONGAN MUTSAWWIFAH**

Berdasarkan tulisan Tuan Husain Kedah di dalam kitabnya Hidayat al-Mutafakkirin, ia dengan jelas memperlihatkan ketegasan beliau dalam isu-isu melibatkan penyelewengan akidah. Bahkan beliau telah melakukan penolakan terhadap golongan *mutasawwifah* yang bercanggah dengan prinsip akidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Jika ditinjau tokoh-tokoh sufi sejati yang muncul dan menulis kitab dari semasa ke semasa, mereka dengan tegas mengisytihar dan mempertahankan akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah yang menjadi pegangan mereka. Nama-nama seumpama al-Kalabadhi, al-Makki, al-Ghazali, al-Harawi, al-Suhrawardi al-Jilani, al-Kurdi dan lain-lain merupakan kalangan sufi sejati yang muncul silih berganti merentas zaman dengan membawa obor Ahlus Sunnah wal Jamaah. Akidah yang menjadi panutan mereka tidak pula seperti dakwaan-dakwaan ganjil yang dikeluarkan oleh golongan yang mendakwa sufi tersebut.

Selain itu, Tuan Husain Kedah juga telah menyenaraikan kitab-kitab berbahasa melayu yang mengandungi akidah yang membawa kepada penafian akan keesaan Allah taala, menyamakan Allah dengan makhluk, menetapkan kekurangan kepada Allah dan memberi amaran keras berhubung keyakinan berbilang-bilang pada zat-Nya dan segala sifatnya yang boleh diringkaskan sebagai intipati kepada akidah *hulul* dan *ittihad* itu sendiri. Penolakan beliau terhadap kedua-dua keyakinan ini dilihat begitu selari dengan ijmak ulama dan pendapat ulama sufi yang muktabar. Dalam hal ini al-Qadhi ‘Iyadh al-Maliki menerusi kitabnya *asy-Syifaa* berkata:

أجمع المسلمون على كفر أصحاب الحلول ومن ادعى حلول الباري سبحانه في أحد الأشخاص كقول  
بعض المتصوفة، والباطنية

Terjemahan: “Umat Islam bersepakat atas kekufuran golongan yang beriktikad hulul, dan atas sesiapa yang mendakwa bahawa Tuhannya yang menciptakan itu menyerap di dalam seseorang manusia seperti dakwaan sesetengah golongan al-Mutasawwifah dan golongan al-Batiniyyah”

Manakala Ibn ‘Arabi (m. 638H) menerusi karangannya yang berjudul *Futuhat al-Makkiyyah* berkata:

من قال بالاتحاد إلا أهل الإلحاد، ومن قال بالحلول فدينه المعلوم

Terjemahan: “*Seseorang tidak akan mengungkapkan tentang [iktikad] al-ittihad [wahdah al-wujud] melainkan dia merupakan seorang ahli ilhad, dan sesiapa yang mengungkapkan tentang [iktikad] al-hulul maka agamanya rosak*”

Selain itu, al-Junayd al-Baghdadi (m. 297H) pernah berkata:

التوحيد إفراذُ القديم من المحدث

Terjemahan: “*Tauhid adalah mengesakan [Allah] al-Qadim daripada [menyerupai] makhluk*”

Sementara Ahmad al-Rifa‘i (m. 578H) pula berkata:

إياك والقول بالوحدة فإنه من الأباطيل

Terjemahan: “*Hendaklah kamu jauhkan dirimu daripada mengungkapkan iktikad al-wahdah kerana sesungguhnya ia termasuk perkara-perkara batil [dalam agama]*”

لفظتان ثلمتان في الدين القول بالوحدة المطلقة والشطح المجاوز لحد التحدث بالنعمة

Terjemahan: “*Dua lafaz yang merosakkan di dalam agama adalah; mengungkapkan iktikad al-wahdah al-mutlaqah dan mengungkapan syatahat yang melampaui had dalam mengungkapkan nikmat [yang diperoleh]*”

Al-Imam Ja‘far al-Sadiq berkata:

من زعم أن الله في شيء، أو من شيء، أو على شيء فقد أشرك. إذ لو كان على شيء لكان محمولا، ولو كان في شيء لكان محصورا، ولو كان من شيء لكان محدثا.

Terjemahan: “*Barangsiapa yang menyangka bahawa Allah berada di dalam sesuatu, atau berasal daripada sesuatu, atau berada di atas sesuatu, maka sesungguhnya dia telah mensyirikkan Allah. Ini kerana, jika Dia berada di atas sesuatu, nescaya Dia ditanggung oleh sesuatu, sekiranya Dia berada di dalam sesuatu, nescaya Dia terbatas dan sekiranya Dia berasal daripada sesuatu, nescaya Dia adalah baharu*”

Selain itu al-Hafiz al-Suyuti seorang tokoh ulama yang menghimpunkan ilmu syariat dan tasawwuf menyebut dalam risalahnya *Tanzih al-I‘tiqad ‘An al-Hulul wa al-Ittihad* berkata:

وما زالت العلماء ومحققو الصوفية يبينون بطلان القول بالحلول والاتحاد وينبهون على فساده

ويحذرون من ضلاله

Terjemahan: “*Ulama dan para muhaqqiq dalam kalangan sufyyah sentiasa menjelaskan kebatilan ucapan akidah hulul dan ittihad, mereka memberi peringatan mengenai kerosakannya dan memberi amaran keras kepada manusia daripada kesesatannya*”

Tindakan inilah yang telah dilakukan oleh Tuan Husain menerusi kitabnya Hidayah al-Mutafakkirin. Selain as-Suyuti, terdapat juga ulama yang lain menolak kedua dua-dua akidah ini seperti Izzuddin Bin Abdis Salam, Abu Hasan al-Mawardi, Fakhruddin al-Razi. Manakala di antara ulama nusantara yang mempunyai pendirian seperti beliau adalah seperti Nuruddin ar-Raniri di mana beliau berkata:

*“(Tetapi) tiada sah mengikut bidaah yang menjadi kafir seperti mengiktikadkan bahawa Allah ta‘ālā itu tiada mengetahui akan juz‘iyyāt dan ma‘dūm dan yang munkir akan ba‘ath dan ḥashr dan nashr dan demikian lagi kaum Mujassimah dan mengiktikadkan bahawa Allah ta‘ālā berjihāt dan kaum Wujudiyah yang mulhid [wahdah muṭlaqah atau ittiḥād] seperti iktikad Ḥamzah Fansūrī dan Shamsud-Dīn Sumaṭrānī maka tiada sah mengikut segala kaum itu demikianlah kata imam yang empat maka hukum segala kaum itu seperti hukum kafir jua”*

Sementara itu, Syaikh Daud al-Fatani juga dilihat senada dengan ar-Raniri dalam hal ini dengan kata beliau:

*“Atau dibangsakan bagiNya sifat yang wajib kita sucikan Dia daripadanya dengan ijmak seperti berjisim atau masuk pada sesuatu atau bersuatu dengan sesuatu; [maka] sekalian iktikad [itu] kufur”*

Manakala Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari dipetik sebagai berkata:

*“Atau dikatanya Allah taala masuk Ia di dalam segala rupa yang baik aatu dikatanya bahawasa ruh itu cahaya Allah apabila berhubung cahaya jadi berkat keduanya”.*

Beliau juga berkata:

*“Adapun kaum wujudiyah maka adalah iktikadnya dan katanya لا إله إلا الله yakni tiada wujudku hanya wujud Allah taala yakni bahawa ku wujud Allah demikianlah diiktikad mereka itu pada makna kalimah yang mulia itu dan lagi pula kata mereka itu (إن الحق سبحانه وتعالى ليس بموجود إلا في ضمن الكائنات) yakni bahawasanya Haq taala tiada maujud melainkan daalm kandunagn segala makhluk maka sekalian makhluk paad iktikad mereka itu wujud Haq taala dan wujud Haq taala wujud segala makhluk....(dan) lagi pula kata mereka itu kami dengan Allah taala sebangsa dan suatu wujud...(maka) sekalian iktikad itu kufur, inilah iktikad wujudiyah yang mulhid dan dinamai akan dia zindiq”.*

Selain itu, Mufti Negeri Johor yang terdahulu, Syed ‘Alawi b. Tahir al-Haddad juga pernah berkata dalam fatwanya:

*“Hendaklah tuan ketahui bahawa saya telah membaca risalah dan buku buku bahasa Melayu (antaranya Kasyful Asrar) saya dapati penuh dengan bidaah-bidaah dan kekafiran, qaul-qaul (pendapat-pendapat) ahli wahdatul wujud yang telah ijmak umat islam mengatakan mereka itu kafir”*

Manakala di peringkat fatwa, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-48 yang bersidang pada 3 April 2000 telah membincangkan wahdatul wujud. Muzakarah telah memutuskan bahawa :

1. Fahaman Wahdatul wujud menyalahi akidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah dan bertentangan dengan ajaran Islam.
2. Bersetuju dengan Fatwa rasmi Negeri Johor yang telah diputuskan pada tahun 1948 oleh S.S. Syed Alawi Tahir Al-Hadad seperti berikut: “Mengikut pendapat ijma ulama fahaman Wahdatul Wujud adalah kufur. Sesiapa yang mempercayai dan

*mengamalkannya adalah murtad. Jika pengamal fahaman tersebut mempunyai isteri, isterinya tertalak dan anaknya adalah anak luar nikah dan hartanya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.”*

Justeru, berdasarkan contoh-contoh perkataan golongan *mutasawwifah* yang didatangkan oleh Tuan Husain Kedah ternyata golongan ini mahir menggunakan ibarat-ibarat yang agak seni untuk tujuan menyampaikan makna hulul dan ittihad tersebut. Terkadang ia menyebabkan pembaca terlena dan terpesona dengan ungkapan-ungkapan tersebut. Walaupun Tuan Husain Kedah ini tegas di dalam menolak keyakinan hulul dan ittihad namun bukan bermaksud semua kitab yang memuatkan akidah ini secara langsung boleh disandarkan kepada nama pengarang yang tertera pada kitab tersebut terutama jika nama pengarang tersebut termasuk dalam kelompok nama besar para ulama. Ini kerana, ia berkemungkinan adalah tokoh tambah yang sengaja dimasukkan di dalam kitab tersebut oleh sebahagian golongan yang bertujuan mahu menyebarkan kesesatan dengan menggunakan nama ulama tersebut. Misalnya dua kitab yang sangat kontroversi karangan Ibn Arabi, *Futuhaat al-Makkiyyah* dan *Fusus al-Hikam*. Al-Sya‘rani, dalam kitabnya dalam kitabnya *Latha’if al-Minan Wa al-Akhlaq* :

"وليحذر أيضا من مطالعة كتب الشيخ محي الدين بن عربي رضي الله تعالى عنه لعلو مراقبها، ولما فيها من الكلام المدسوس على الشيخ لا سيما الفصوص والفتوحات المكية، فقد أخبرني الشيخ أبو طاهر عن شيخه عن الشيخ بدر الدين بن جماعة أنه كان يقول: جميع ما في كتب الشيخ محي الدين من الأمور المخالفة لكلام العلماء فهو مدسوس عليه، وكذلك كان يقول الشيخ مجد الدين صاحب القاموس في اللغة. قلتُ -الشعراني-: وقد اختصرتُ الفتوحات المكية وحذفتُ منها كل ما يخالف ظاهر الشريعة، فلما أخبرت بأنهم دسوا في كتب الشيخ ما يوهم الحلول والاتحاد وَرَدَ عليّ الشيخ شمس الدين المدني بنسخة الفتوحات التي قابلها على خط الشيخ بقونية فلم أجد فيها شيئا من ذلك الذي حذفته ففرحتُ بذلك غاية الفرح، فالحمد لله على ذلك" انتهى كلام الشعراني .

*“Hindarilah daripada menelaah kitab-kitab Syaikh Muhyiddin Ibn ‘Arabi kerana ketinggian tingkatannya, di samping banyak yang telah dimasuki perkataan-perkataan palsu ke atas as-Syaikh, lebih-lebih lagi kitab Fushush al-Hikam dan al-Futuhaat al-Makkiyyah. Aku telah diberi khabar oleh Syaikh Abu Thahir dari gurunya dari Syaikh Badr al-Din ibn Jamaah, bahawa ia berkata: Seluruh apa yang terdapat dalam kitab-kitab Syaikh Muhyiddin Ibn ‘Arabi yang menyalahi syari‘at adalah tambahan-tambahan palsu ke atasnya. Seperti ini pula yang dikatakan oleh Syaikh Majduddin (al-Fairuz Abadi) penulis kitab kamus (al-Bahr al-Muhith). Saya [al-Sya‘rani] katakan: “Saya telah membuat ringkasan kitab al-Futuhaat al-Makkiyyah dan saya membuang kalimat-kalimat yang menyalahi syariat di dalamnya. Ketika saya diberitahu bahawa mereka (kaum zindiq) telah memasukkan tambahan akidah hulul dan ittihad ke dalam karya Syekh Muhyiddin, tiba-tiba datang kepadaku Syaikh Syamsuddin al-Madani (al-Sayyid Muhammad ibn al-Sayyid Abi al-Thayyib, w.955H) membawa manuskrip al-Futuhaat al-Makkiyyah yang ia telah diperakui dengan tulisan Syaikh Muhyiddin sendiri di Quuniyah. Dan ketika saya melihat manuskrip tersebut saya tidak mendapati langsung adanya kalimah-kalimah yang telah saya buang, dan kerananya saya berasa sangat gembira, segala puji-pujian kepada Allah atas perkara tersebut”.*

## PENUTUP

Berdasarkan penjelasan dan paparan di atas, maka didapati bahawa kerangka akidah yang diperjuangkan oleh Tuan Husain Kedah menerusi kitab *Hidayat al-Mutafakkirin* adalah kerangka Ahlus Sunnah wal Jamaah. Hal ini lebih terserlah lagi pada perbincangan konsep *wahdaniyyatullah* dan *mukhalafah*nya bagi setiap yang baharu seperti yang tercatat kemas di dalam karya tulis beliau tersebut. Kerangka inilah juga yang pada hakikatnya menunjangi pandangan alam golongan sufi sejati yang jelas berseberangan dengan iktikad-iktikad *syaz* bawaan golongan *mutasawwifah* yang hanya mendakwa sufi tersebut. Iktikad *hulul* dan *ittihad* yang dilihat menjadi pegangan bagi golongan *mutasawwifah* ini jelas merugikan mereka. Ia bukan hanya menyebabkan mereka tergelincir dari jalan hidayah yang telah ditelusuri oleh ahli sufi yang hakki bahkan lebih teruk lagi ia menatijahkan terkeluarnya mereka dari garis daerah Islam. Oleh sebab itu, asas bagi tasawwuf di sisi para ulama ASWJ adalah *'ilm al-haal* yang wajib ke atas setiap mukallaf mempelajarinya, menekuninya dan memahami akan isi kandungannya daripada para ulama yang thiqah ilmunya dan bersambung sanadnya. Ilmu inilah yang akan menatijahkan taqwa yang sejati sebagaimana yang ditunjuki oleh al-Quran dan hadis-hadis Nabiy. Hal ini amat signifikan bagi setiap muslim lebih-lebih lagi bagi mereka yang ingin menceburi bidang tarekat dan kesufian. Kejahilan dalam perkara ini hanya akan memesongkan perjalanan seseorang itu dalam menuju destinasi yang didambakan, lalu mereka menyangka kononnya mereka telah sampai kepada sejumlah *maqamat* dan *ahwal* yang tinggi dalam kesufian namun pada hakikatnya ia tidak lebih daripada sangkaan dan khayalan semata.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Ghaniyy Yahya dan ‘Umar Yusuf (t.t), *Risalah al-Tawhid*, Johor: Al-Ahmadiyyah Press Sdn Bhd
- ‘Abdus-Samad al-Falimbani, *Hidayah al-Salikin*, Maktabah wa-Matba`ah Dar al-Mu`arif, Pulau Pinang
- Abdullah, A. R. 2016. *Biografi Agung Syeikh Arsyad Al-Banjari*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd.
- Abu Daudi (2003), *Maulana Syeikh Muhamad Arsyad al-Banjari (Tuan Haji Besar)*, Martapura: Yayasan Pendidikan Islam Dalam Pagar
- Abu Hanifah, *Fiqh al-Akbar dalam al-Kawthari*, Muhammad Zahid b. Hasan b. ‘Ali (2009), *al-‘Aqidah wa ‘Ilm al-Kalam*, c. 02, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ahmad b. Muhammad zain b. Mustafa al-Fatani, *Faridatul Fara'id fi ‘Ilm al-‘Aq'id*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniah, 1428 H/ 2007 R
- Ahmad Jelani b. Halimi (1989), *Sistem Pendidikan Melayu Islam Tradisional Merujuk Kepada Sistem Pendidikan Pondok di Kedah: Asal Usul dan Perkembangannya Hingga 1957*, Tesis Sarjana pendidikan USM
- Ahmad Yumni Abu Bakar et al., (2016), *Biografi Ulama Malaysia; Tuan Hussain Kedah Penggiat Sistem Pengajian Pondok di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c.01
- Ahmad Yumni Bin Abu Bakar, (2018), *Legasi Ulamak Banjar: Tuan Hussain Kedah*, Bicara Karya Bersempena dengan Hari Literasi Antarabangsa, Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Kedah, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka

- Ahmad, S. 2001. Pendekatan Karya Ulama Tradisional di Kedah: Tumpuan Kepada Karya-Karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin, Hanafiah Taib Al-Qadhi (1908-1998M). *Jurnal Usuluddin* 13
- Al-‘Askari, al-Hasan b. ‘Abd Allah (t.t), *al-Furuq al-Lughawiyyah*, ditahkik oleh Muhammad Ibrahim Salim, Kaherah: Dar al-‘Ilm wa al-Thaqafah.
- Al-‘Asqalani, Ahmad b. ‘Ali b. Hajar (t.t), *Fath al-Bari*, j. 13, Kaherah: al-Matba‘ah al-Salafiyyah Al-Asy‘ari (1975), *Kitab al-Luma‘ fi al-Radd ‘ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida‘*, Kaherah: Jami‘at al-Azhar li al-Ta‘lif wa al-Tarjamah wa al-Nasyr
- Al-Attas, Muhammad Naquib (2015), *Tarikh Sebenar Batu Bersurat Terengganu*, Kuala Lumpur: Centre of advance Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS), UTM.
- Al-Baghdadi, ‘Abd al-Qahir b. Tahir (t.t), *al-Farq bayn al-Firaq*, Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah
- Al-Banjari, Muhammad Arsyad b. Abdillah (t.t), *Tuhfah ar-Raghibin fi Bayan Haqiqat Iman al-Mu‘minin*, Thailand: Matba‘ah b. Halabi
- Al-Baydawi, ‘Abd Allah b. ‘Umar (2009), *Syarh Asma‘ Allah al-Husna*, c. 01, Beirut: Dar al-Ma‘rifah
- Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad b. al-Husayn (2007), *Kitab al-Asma‘ wa al-Sifat*.
- Al-Bayjuri, Ibrahim b. al-Syaikh Muhammad al-Jizawi (2002), *Hasyiyah al-Imam al-Bayjuri ‘ala Jawharah al-Tawhid*, ditahkik oleh ‘Ali Jum‘ah Muhammad al-Syafi‘i, c. 01, Kaherah: Dar al-Salam
- Al-Fatani, Dawud b. AbdiLlaah (t.t), *Sullam al-Mubtadi fi Ma‘rifat Tariqat al-Muhtadi*, Thailand: Matba‘ah ben Halabi
- Al-Fatoni, ‘Abd al-‘Aziz b. Ismail (1994), *Risalah al-Misbah al-Munir fi Ma‘rifatillaah al-Qadir*, c. 03, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd
- Al-Ghazzai, Muhammad b. Muhammad (2008), *al-Maqсад al-Asna fi Syarh Asma‘ Allah al-Husna*, c. 01, Kaherah: Dar al-Muqattam li al-Nasyr wa al-Tawzi‘
- Al-Ghazzali, Muhammad b. Muhammad (2008), “al-Madnun bih ‘ala Ghayr Ahlih” dalam *Majmu‘ah Rasa‘il al-Imam al-Ghazzali*, Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Haddad, Sayyid ‘Alawi binTahir (2013), *Fatwa Mufti Negeri Johor*, Johor: Percetakan Bahagian Penerbit Jabatan Agama Islam Johor, c.3, j.1
- Al-Harari, ‘Abd Allah b. Muhammad (2007), *Izhar al-‘Aqidah al-Sunniyyah*, c. 04, Beirut: Syarikah Dar al-Masyari‘ li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi‘
- \_\_\_\_\_ (2008), *Sarih al-Bayan fi al-Radd ‘ala man Khalafa al-Qur‘an*, c. 02, Beirut: Syarikah Dar al-Masyari‘ li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi‘
- \_\_\_\_\_ (2009), *Umdah al-Raghib fi Mukhtasar Bughyah al-Talib*, c. 02, Beirut: Syarikat Dar al-Masyari‘ li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi‘
- \_\_\_\_\_ (2010), *al-Sirat al-Mustaqim*, c. 12, Beirut: Syarikat Dar al-Masyari‘ li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi‘.
- Al-Harari, Muhammad al-Amin b. ‘Abd Allah (2001), *Tafsir Hada‘iq al-Ruh wa Rayhan fi Rawabi‘ Ulum al-Qur‘an*
- Al-Haytami, Syihab al-Din Ahmad b. Hajar (1978), *al-Minhaj al-Qawim*, c. 2, Beirut: Mu‘assat ‘Ulum al-Quran
- Al-Hulaymi, Abu ‘Abd Allah al-Husayn b. al-Hasan (1979), *Kitab al-Minhaj fi Syu‘ab al-Iman*, ditahkik oleh Hulaymi Muhammad Fudah, c. 01, j. 01, t.t.p.; Dar al-Fikr
- Al-Juwayni, ‘Abd al-Malik b. ‘Abd Allah (1995), *Kitab al-Irsyad ila Qawati‘ al-Adillah fi Usul al-‘Itiqad*, c. 1, Beirut: dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah

- Al-Kalabadi, Abu Bakr Muhammad (1992), *al-Ta'arruf li Madhhab Ahl al-Tasawwuf*, Mesir: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, c.03
- al-Nawawi, Yahya b. Syaraf (1924), *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, j. 5, Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyyah wa Maktabatuha
- Al-Qarani, 'Abd al-Hafiz Faraghli (2011), *Mabadi' al-Tasawwuf al-Islamiy*, Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, c.05
- Al-Qari, Mulla 'Ali b. Sultan Muhammad (t.t), *Mirqat al-Mafatih Syarh Misykat al-Masabih*, j. 3, Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad b. Ahmad (2008), *al-Asna fi Syarh Asma' Allah al-Husna wa Sifatih*, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah
- al-Qusyairi, 'Abd al-Karim b. Hawazin (2003), *al-Risalat al-Qusyayriyyah fi 'Ilm al-Tasawwuf*, c. 01, Beirut: Dar al-Khayr li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'
- Al-Qusyayri, 'Abd al-Karim b. Hawazan (1999), *al-Tahbir fi al-Tadhkir Syarh Asma' al-Husna*, c. 01, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- \_\_\_\_\_ (2001), *al-Risalah al-Qusyayriyyah fi 'Ilm al-Tasawwuf*, ditahkik oleh Ma'ruf Mustafa Zariq, c. 01, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- \_\_\_\_\_ (2003), *al-Risalah al-Qusyayriyyah fi 'Ilm al-Tasawwuf*, c. 01, Beirut: Dar al-Khayr li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'
- Al-Raniri, Nuruddin Jailani b. 'Ali Hasanji b. Muhammad Hamid (t.t), *Al-Sirāṭul-Mustaqīm* (di tepi kitab Sabīlal-Muhtadīn, t.t.p: Percetakan al-Mua'arif Sdn., Bhd., j. 1
- Al-Razi, Muhammad al-Razi Fakhr al-Din b. Diya' al-Din 'Umar (1981), *Tafsir al-Fakhr al-Razi* \_\_\_\_\_ (1323H), *Kitab Lawami' al-Bayyinat Syarh Asma' Allah Ta'ala wa al-Sifat*, c. 01, Mesir: al-Matba'ah al-Syarqiyyah
- Al-Sawi, Ahmad b. Muhammad (2007), *Kitab Syarh al-Sawi 'ala Jawharah al-Tawhid*, c. 05, ditahkik oleh 'Abd al-Fattah al-Bazzam, Dr., Beirut: Dar Ibn Kathir
- Al-Sultanul-Mu'azzam 'Ala'ud-Din Sulaiman Syah, *Pohon Agama; Bahagian Rukun Iman*, Khazanah al-Fathaniyyah, Kuala Lumpur, 1325 H/ 2005 R
- al-Suyuti, Jalaluddin Abdur Rahman Bin Abi Bakar (1995), *al Hawi Lil Fatawa*, Beirut : Maktabah al Ashriyyah, j.2
- Al-Yahsabi, al Qadhi Abu 'Iyadh (2009), *as-Syifa Bita'rif Huquq al-Mushtofa*, Beirut: Darul Kutub Ilmiyyah, c.4
- Al-Zajjaji, 'Abd al-Rahman b. Ishaq (2009), *Isytiqaq Asma' Allah*, ditahkik oleh Abd al-Husayn al-Mubarak, c. 01, Damsyik: Dar al-Fikr
- Awatif binti Abdul Rahman, Muhammad Khairi bin Mahyuddin. 2015. Spirituality in Da'wah Dan Management by Wan Sulaiman Wan Siddik, A 19th Sufi. *International Journal of Education and Social Science Vol. 2 No. 3*.
- Badri, K. N. 2014. *Ketokohan dan Sumbangan Tuan Hussain Kedah Dalam Bidang Pendidikan*. t.tp.: t.pt.
- Dawud al-Fatani, *al-Durru al-Thamin*, Pulau Pinang: Percetakan Al-Muarif Sdn Bhd
- Husain Nasir ibn Tayyib al-Banjari, *Hidayah al-Mutafakkirin*, Pulau Pinang: Percetakan Almuarif Sdn. Bhd
- Ishak Mohd. Rejab (1981), "Peranan Ulama dalam Masyarakat di Kedah dengan diberi Penekanan kepada Tuan Hussain b. Muhammad Nasir al-Mas'udi dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidek". Kertas Kerja yang dibentang pada Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman 1, Alor Star: Wisma Negeri, pada 28 Nov-1 Dis



- Ishak Mohd. Rejab, (1993), *Haji Hussain Mohd. Nasir al-Mas'udi al-Banjari dlm. Ulama Silam dalam Kenangan. Ismail Mat (ed.)*. Bangi: Penerbit UKM
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015), *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, Kajian Terhadap Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), Penerbit Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Selangor Darul Ehsan
- Muhammad ibn Isma'il Dawud al-Fatani, *Matla'ul-Badrain wa-Majma'il-Bahrain*, (t.t.p): Maktabah wa-Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa-Awladih
- Muhammad Zainy Uthman (ed.) (2012), *Batu Bersurat Terengganu: Its Correct Date, Riligio-Cultural and Scientific Dimenstions*, Kuala Lumpur: Department of National Heritage
- Napisah Karimah Ismail, Farid Mat Zain. 2011. Sumbangan Tuan Husain Kedah Terhadap Perkembangan Islam di Kedah. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara* (hlm. 345-350). Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rujuk al-Azhari, Abu Mansur Muhammad b. Ahmad (t.t), *Tahdhib al-Lughah*, ditahkik oleh 'Abd Allah Darwish, j. 05, t.t.p.: Dar al-Misriyyah li al-Ta'lif wa al-Tarjamah
- Shaghir, W. M. 2006. *ulama-nusantara*. Didapatkan dari <http://ulamanusantara.blogspot.my/2006/11/Husain-kedah-al-banjari-generasi.html>
- Sha'rānī, Abd al-Wahhāb ibn Aḥmad (1976), *Lataif al Manan wal Akhlaq Fi Wujub at Tahdduth Binikmatillah 'Ala al-Itlaq*, Beirut: Darul Fikr Littiba'ah wan Nasyr wa al-Tawzi'
- Shukri Ahmad (2001), *Pendekatan Karya Ulama Tradisional di Kedah: Tumpuan Kepada Karya Karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin, Hanafiah Taib Al-Qadhi (1908-1998M)*, Jurnal Usuluddin Bil.13 (h.95-115), Kuala Lumpur, Universiti Malaya
- Sulaiman b. Ibrahim (2004), *al-Syaikh Ibn 'Arabiy dan Pemikiran Wahdat al-Wujud dalam Munaqashah Sufi Peringkat Kebangsaan 2004 "Kemantapan Rohani Penjana Negara Maju, Negeri Sembilan Darul Khusus: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan*, c.10
- Suradi, M. A. 2008. *tamanulama*. Didapatkan dari <http://tamanulama.blogspot.my/2008/04/tuan-hussein-kedah-al-banjari-ulama.html>
- Syaikh Abdul Rahman Siddiq b. Muhammad Afif al-Banjari (2005), *Shajarat al-Arsyadiyah*, Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah
- Wan Mohd Saghira Abdullaah (2001), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah, j.14
- Zainul-'Abidin ibn Muhammad al-Fatani, *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usulid-Din*, (t. tp): Bin Halabi Press
- Zakaria b. Setapa, Prof., (2010), *Ilmu Tasawuf: Disiplin Ilmu Islam Yang Autentik* dalam Seminar Pemurnian Akidah 2010; "Mendepani Cabaran Akidah Semasa" anjuran Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) dengan Kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan